



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024
PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

5228

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN	SKOR
1	كلوا	1 Markah
2	Mencukur Alis	1 Markah
3	Takhyir (تخير)	1 Markah
4	Isim Istifham (اسم استفهام)	1 Markah
5	Bercukur	1 Markah
6	Qisas (قصاص)	1 Markah
7	80 Sebatan	1 Markah
8	Bai Alistisna' (بيع الاستصناع)	1 Markah
9	Bai Attawaruq (بيع التورق)	1 Markah
10	Bai Addain (بيع الدين)	1 Markah
11	Bai Assalam (بيع السلم)	1 Markah
12	Haji Ifrad (حج إفراد)	1 Markah
13	Harus (هاروس)	1 Markah
14	Sunat (سنة)	1 Markah
15	Taazir (تعزير)	1 Markah
16	Mahar (مهر)	1 Markah
17	✓	1 Markah
18	X	1 Markah
19	X	1 Markah
20	✓	1 Markah

BAHAGIAN B

1	(a)	Dua tuntutan hukum daripada ayat di atas : – Wajib menasabkan anak angkat dengan nama bapa kandung – Anak angkat yang tidak diketahui bapa kandungnya, harus dipanggil dengan panggilan saudaraku – Jika menasabkan anak angkat dengan bapa angkat secara tidak sengaja, tidak berdosa tetapi jika disengajakan, dikira berdosa	2isi x 2m (2 markah)
	(b)	Sebab nuzul ayat : – Ayat diturunkan berkaitan dengan kisah Zaid bin Harithah – Zaid bin Harithah merupakan bekas hamba Rasulullah SAW – Rasulullah telah mengambil Zaid bin Harithah sebagai anak angkat sebelum kerasulannya – Tetapi sahabat memanggilnya dengan nama Zaid bin Muhammad, maka turunlah ayat ini	4isi x 1m (4 markah)
	(c)	Kesan menasabkan anak angkat kepada bapa angkat : – Pernikahan Jika diwalikan oleh bapa angkat maka pernikahan tidak sah – Pewarisan Harta Pembahagian harta pusaka kepada anak angkat bererti memberi harta kepada orang bukan haknya	2isi x 2m (4 markah)
	(d)	Dua hujah untuk menyokong pernyataan di atas : – Melalui pengambilan anak angkat akan melengkapkan sebuah keluarga yang tidak dikurniakan zuriat – Kehadiran seseorang anak akan mewujudkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga – Anak angkat akan berbakti kepada kedua ibubapanya terutama ketika mereka tua dan tidak berdaya – Kesunyian akan terubat dengan kehadiran anak angkat yang mewujudkan suasana keriuhan dalam keluarga	2isi x 2m (4 markah)

	(e)	<u>Contoh Jawapan:</u> <table><tr><th>Kriteria</th><th>Contoh Jawapan</th></tr><tr><td>Isi</td><td>Mengambil anak angkat ketika masih kecil, ketika berusia di bawah dua tahun</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Supaya dapat menyusukan dia sekurang-kurangnya lima kali kenyang</td></tr><tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Keadaan ini menjadikan anak angkat itu sebagai anak susuan</td></tr><tr><td>Penerangan Huraian Lengkap</td><td>Yang menjadi mahram kepada ibubapa angkatnya dan dapat menyelesaikan masalah auratnya</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu, pengambilan anak angkat perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT</td></tr><tr><td>Kesimpulan Lengkap</td><td>Agar pergaulan seharian terjaga dan diredhai oleh Allah SWT</td></tr></table>	Kriteria	Contoh Jawapan	Isi	Mengambil anak angkat ketika masih kecil, ketika berusia di bawah dua tahun	Huraian	Supaya dapat menyusukan dia sekurang-kurangnya lima kali kenyang	Huraian Lengkap	Keadaan ini menjadikan anak angkat itu sebagai anak susuan	Penerangan Huraian Lengkap	Yang menjadi mahram kepada ibubapa angkatnya dan dapat menyelesaikan masalah auratnya	Kesimpulan	Oleh itu, pengambilan anak angkat perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT	Kesimpulan Lengkap	Agar pergaulan seharian terjaga dan diredhai oleh Allah SWT	6isi x 1m (6 markah)
Kriteria	Contoh Jawapan																
Isi	Mengambil anak angkat ketika masih kecil, ketika berusia di bawah dua tahun																
Huraian	Supaya dapat menyusukan dia sekurang-kurangnya lima kali kenyang																
Huraian Lengkap	Keadaan ini menjadikan anak angkat itu sebagai anak susuan																
Penerangan Huraian Lengkap	Yang menjadi mahram kepada ibubapa angkatnya dan dapat menyelesaikan masalah auratnya																
Kesimpulan	Oleh itu, pengambilan anak angkat perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT																
Kesimpulan Lengkap	Agar pergaulan seharian terjaga dan diredhai oleh Allah SWT																
2	(a)	Maksud syak dalam solat ialah keadaan terlupa atau terlalai semasa melakukan ibadah solat/seperti terlupa bilangan rakaat atau meninggalkan sunat <i>ab'ad</i>	2isi x 1m (2 markah)														
	(b)	Istinbat hukum : – Ulama mengistinbat hukum berkaitan syak dalam solat berdasarkan lafaz "فَلْيَطْرَحْ" dan "ولين" – kedua dua adalah Fi'lu Mudharik didahului Lam Amri menunjukkan perintah – Setiap perintah membawa hukum wajib – Oleh itu, wajib menghilangkan keraguan dalam solat berdasarkan keyakinan	4isi x 1m (4 markah)														
	(c)	Dua kepentingan menjaga kesempurnaan dan khusyuk dalam solat : – Khusyuk dalam solat ialah satu perkara yang penting kerana solat merupakan satu ibadah agung – Mereka yang mendirikan solat tanpa mempunyai ilmu tentang solat boleh menyebabkan solatnya tidak sempurna bahkan boleh terbatal – Solat yang dikerjakan dengan kesungguhan membentuk jiwa seseorang untuk memahami hakikat ubudiah dan ketakwaan kepada Allah Allah dalam semua urusan hidup – Solat yang khusyuk dan sempurna boleh menjadi benteng kepada seseorang daripada perkara mungkar dan maksiat	2isi x 2m (4 markah)														

	(d)	Empat sebab disunatkan sujud sahwi : – Berlaku keraguan kepada bilangan rakaat dalamBerlaku keraguan kepada bilangan rakaat dalam solat – Meninggalkan mana-mana sunat <i>ab'ad</i> / seperti <i>tasyahud</i> awal dan doa qunut – Tidak sengaja melakukan perbuatan yang ditegah, yang jika disengajakan akan membatalkan solat – membaca bacaan solat bukan pada tempatnya/contohnya meBaca tasbih rukuk ketika sujud	4isi x 1m (4 markah)										
	(e)	i KBAT : Berdasarkan gambar : – Wajib menghilangkan syak – Menambah bilangan rakaat	2isi x 1m (2 markah)										
		ii Cara mengatasi syak dalam solat : <u>Contoh Jawapan:</u> <table><tr><th>Kriteria</th><th>Contoh Jawapan</th></tr><tr><td>Isi</td><td>Memberi tumpuan ketika solat dengan melihat ke tempat sujud</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>supaya tidak melihat perkara di sekeliling</td></tr><tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Hal ini menyebabkan kita tidak ada ruang untuk memikirkan sesuatu yang tidak berkaitan dengan solat</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu sebagai orang beriman harus mengambil berat tentang kesempurnaan dan kekhusyukan dalam solat</td></tr></table> <u>Cadangan isi</u> 1. Sentiasa berusaha untuk soat berjemaah 2. Sentiasa menepati waktu solat 3. Memahami dan menghayati makna ayat 4. Solat dalam suasana tenang dan bersih	Kriteria	Contoh Jawapan	Isi	Memberi tumpuan ketika solat dengan melihat ke tempat sujud	Huraian	supaya tidak melihat perkara di sekeliling	Huraian Lengkap	Hal ini menyebabkan kita tidak ada ruang untuk memikirkan sesuatu yang tidak berkaitan dengan solat	Kesimpulan	Oleh itu sebagai orang beriman harus mengambil berat tentang kesempurnaan dan kekhusyukan dalam solat	4isi x 1m (4 markah)
Kriteria	Contoh Jawapan												
Isi	Memberi tumpuan ketika solat dengan melihat ke tempat sujud												
Huraian	supaya tidak melihat perkara di sekeliling												
Huraian Lengkap	Hal ini menyebabkan kita tidak ada ruang untuk memikirkan sesuatu yang tidak berkaitan dengan solat												
Kesimpulan	Oleh itu sebagai orang beriman harus mengambil berat tentang kesempurnaan dan kekhusyukan dalam solat												
3	(a)	i Maksud tawaf ialah mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali / dengan syarat-syarat tertentu	2isi x 1m (2 markah)										
		ii Dua jenis tawaf dalam ibadat haji : – Tawaf Rukun / Ifadhah – Tawaf Qudum – Tawaf Wada' – Tawaf Sunat	2isi x 1m (2 markah)										

(b)	Dua perkara yang dilarang bagi lelaki daripada melakukannya dalam ihram : – Berkahwin, mengahwinkan atau menerima wakil kahwin – Memburu, menembak, membeli, menangkap, mengurung atau membinasakan binatang buruan darat atau udara yang halal dimakan sama ada di tanah haram atau di luar tanah haram – Memakai sarung tangan – Memakai pakaian bersarung, bercantum atau berjahit – Menutup kepala atau sebahagian daripadanya kecuali terpaksa seperti sakit – Memakai atau meletakkan wangian pada badan, pakaian, makanan, minuman atau menghidunya – Bersetubuh dengan sengaja – Memotong kuku kecuali jika terpaksa kecuali sakit – Melakukan muqaddimah persetubuhan – Mencabut atau memotong rambut – Meletakkan minyak pada janggut atau rambut – Memotong, menebang dan mencabut pokok di tanah haram	2isi x 1m (2 markah)
(c)	<i>Wadi'ah menyuburkan sifat amanah seseorang kepada seseorang yang lain.</i> Dua hujah menyokong pernyataan tersebut : – Keikhlasan penerima wad'iah terserlah/apabila muamalah ini tidak melibatkan upah, sekaligus menyuburkan sifat amanah – Seseorang yang menjaga harta wadi'ah dengan penuh tanggungjawab/tidak akan menggunakannya untuk kepentingan diri sendiri	2isi x 2m (4 markah)
(d)	Dua syarat sighthah (ijab qabul) : – Menggunakan lafaz nikah atau kahwin sahaja – Lafaz nikah disebut jelas dalam ijab dan qabul – Tidak dipisahkan antara ijab dengan qabul kecuali kadar yang sedikit seperti mengambil nafas, bersin atau batuk – Kekal kelayakan semua pihak untuk melakukan akad sehingga selesai lafaz qabul – Akad mestilah berkuat kuasa serta merta iaitu tidak digantung dengan syarat-syarat tertentu – Akad tidak dibataskan dengan tempoh masa	2isi x 2m (4 markah)

	(e)		Dua kepentingan pelaksanaan hukuman perlakuan jenayah dalam Islam : – Mendidik masyarakat supaya mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh syarak agar mereka dapat menjauhkan masyarakat daripada kerosakan dan keburukan – Melindungi akidah umat Islam daripada terpengaruh dengan ajaran sesat yang semakin meningkat agar mereka dapat hidup dalam redha Allah SWT – Memberi pengajaran kepada penjenayah supaya bertaubat daripada jenayah yang dilakukan dan tidak mengulangnya	2isi x 2m (4 markah)
	(f)	i	Hukum dan alasan bagi situasi berikut : Hukum : Tidak Sah Alasan : kerana syarat wali tidak berada dalam ihram haji	2isi x 1m (2 markah)
		ii	Hukum : Sah Alasan : Menyebut mahar semasa akad adalah sunat	2isi x 1m (2 markah)

BAHAGIAN C

4	(a)	i	Qias ialah menyamakan hukum perkara yang tidak mempunyai hukum dalam nas dengan perkara yang mempunyai hukum dalam nas syarak / disebabkan persamaan sifat (illah) pada kedua-duanya	2isi x 1m (2markah)	
		ii	Dua rukun qias : – الأصل – حكوم الأصل – العلة – الفرع	2isi x 1m (2 markah)	

(b)	Hukum wadi'e yang terdapat dalam ayat di atas : – Hukum wad'ie adalah sebab – Ayat di atas menerangkan tentang perbuatan zina adalah sebab penzina lelaki dan perempuan dikenakan 100 kali sebatan	2isi x 1m (2 markah)	
(c)	Cara takhsis nas di atas : – Takhsis al Quran dengan al Hadis – Lafaz “الميتة” dalam ayat adalah lafaz am yang menunjukkan semua bangkai adalah haram – Lafaz tersebut telah ditakhsiskan dengan lafaz “الحل” dalam hadis yang menunjukkan semua bangkai dari laut adalah halal – Oleh itu semua bangkai adalah haram kecuali bangkai dari laut	4isi x 1m (4 markah)	
(d)	“قلة التكليف” ialah pensyariatian yang dipertanggungjawabkan adalah tidak banyak dan tidak membebankan seperti kefarduan haji hanya sekali seumur hidup	2isi x 1m (2 markah)	
(e)	Dua kesan penjajahan barat terhadap pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia : – Sistem perundangan barat digunakan sepenuhnya dalam Mahkamah Sivil – Undang-undang Barat mempengaruhi sistem kehakiman di mana pelaksanaan undang-undang Inggeris bertambah kukuh dengan wujudnya enakmen undang-undang Sivil – Bidang kuasa Raja-Raja Melayu dihadkan dalam Perundangan Islam dengan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 – Bidang kuasa Mahkamah Syariah dibataskan oleh Undang-undang Persekutuan – Wujud dualisme dalam sistem perundangan di Malaysia	2isi x 2m (4 markah)	
(f)	Dua faktor yang menyumbang kepada kemerosotan tamadun pada zaman Bani Abbassiah : – Pemerintah leka dengan kemewahan sehingga tidak mampu mentadbir dengan baik – Campur tangan orang Turki dalam pemerintahan yang tidak diurus dengan baik – Situasi ekonomi yang tidak stabil kerana kelemahan pemerintah yang leka dengan hiburan – Masalah dalaman ketika zaman Buwaihi, apabila berlaku perebutan kuasa dan telah merebak dalam kalangan tentera – Serangan tentera Monggol (Tatar) pada tahun 656 Hijrah	2isi x 2m (4 markah)	

5	(a)	i	Dua bahagian al Masolih al Mursalah : – Dharuriyyat (ضروريات) – Hajiyyat (حاجيات) – Tahsiniyyat (تحسينيات)	2isi x 1m (2 markah)	
		ii	Pendapat ulamak tentang autoriti al Masolih al Mursalah sebagai sumber hukum yang tidak disepakati : – Jumhur ulamak Menerima al Masolih al Mursalah sebagai sandaran hukum syarak kerana ia selaras dengan kemaslahatan yang terkandung dalam nas-nas syarak – Sebahagian ulamak menolak al Masolih al Mursalah sama sekali kerana mereka berpandangan ia boleh mencemarkan kesucian Islam	2isi x 2m (4 markah)	
	(b)	i	Lafaz Mutlak : – Lafaz وأُمّهات نسائكم ialah Lafaz Mutlak – Yang menunjukkan pengharaman ibu mertua selepas akad nikah dijalankan tanpa ada syarat bersetubuh dengan perempuan yang dinikahi	2isi x 1m (2 markah)	
		ii	Lafaz Muqayyad : – Lafaz شهرين متتابعين adalah Lafaz Muqayyad – Yang menunjukkan tidak cukup berpuasa untuk kaffarah zihar secara selang seli	2isi x 1m (2 markah)	
	(c)		Dua peranan Mahkamah Syariah di Malaysia : – Membicarakan dan memutuskan kesalahan-kesalahan jenayah yang dilakukan oleh orang Islam – Mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam kes-kes mal (bukan jenayah) seperti yang diperuntukkan oleh akta atau enakmen – Mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan sama ada melibatkan pembebasan, sabitan atau hukuman	2isi x 2m (4 markah)	

	(d)	i	Maksud tamadun ialah segala pencapaian dan kemajuan yang mencakupi semua aspek kegiatan manusia / dari sudut kebudayaan, keilmuan dan keagamaan yang berasaskan prinsip akidah, syariat dan akhlak Islam	2isi x 1m (2 markah)									
		ii	Perbezaan antara Tamadun Islam dengan Tamadun Barat : <table><tr><th>Tamadun Islam</th><th>Tamadun Barat</th></tr><tr><td>Islam adalah asas tamadun dan prinsip-prinsipnya tidak akan berubah</td><td>Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah</td></tr><tr><td>Berasaskan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia, iaitu antara dunia dengan akhirat</td><td>Hanya menumpukan kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama</td></tr><tr><td>Kemajuan mestilah tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama</td><td>Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama</td></tr></table>	Tamadun Islam	Tamadun Barat	Islam adalah asas tamadun dan prinsip-prinsipnya tidak akan berubah	Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah	Berasaskan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia, iaitu antara dunia dengan akhirat	Hanya menumpukan kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama	Kemajuan mestilah tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama	2isi x 2m (4 markah)	
Tamadun Islam	Tamadun Barat												
Islam adalah asas tamadun dan prinsip-prinsipnya tidak akan berubah	Agama ialah kebudayaan masyarakat yang boleh berubah-ubah												
Berasaskan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia, iaitu antara dunia dengan akhirat	Hanya menumpukan kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama												
Kemajuan mestilah tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama												

~ PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT ~